

KL-Singapura rintis jalan bina semula keakraban

BH- 17/5/2007.

Oleh Azmi Md Deros
dan Johari Ibrahim

PERTEMUAN empat mata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong, diikuti mesyuarat tidak rasmi delegasi kedua-dua negara di Langkawi berakhir kelmarin dengan menjanjikan hubungan dua hala yang lebih baik.

Itu bukan saja mencatat satu sejarah bagi hubungan antara kerajaan Malaysia dan Singapura, malah kemesraan kunjungan ke pulau legenda itu turut dirasai sendiri oleh Lee, anak kepada Menteri Mentor Lee Kuan Yew. Ini adalah kali pertama Lee menjejakkan kaki ke pulau peranginan antarabangsa itu.

Kesudian Lee berkunjung ke Langkawi sudah tentu dapat membuka banyak mata mengenai keistimewaan pulau pelancongan yang kaya dengan pelbagai destinasi menarik itu, khususnya di kalangan rakyat Singapura sendiri.

Pertemuan amat bermakna itu diadakan dalam suasana sungguh mesra dengan latar belakangkan resort eksklusif yang indah lagi mendamaikan, sekali gus membolehkan segala perbincangan dilakukan dengan tenang tanpa gangguan.

Hubungan erat itu sekali gus mengingatkan kepada nostalgia pada zaman sebelum 1980-an yang mana rakyat kedua-dua negara dan mempunyai latar belakang sejarah, geografi, sosioekonomi dan budaya hampir sama mempunyai pertalian amat rapat - menepati amalan hidup berjiran.

Ramai pemerhati berpendapat pertemuan mesra itu merintis jalan ke arah hubungan lebih rapat seperti 'abang-adik' antara kedua-dua negara itu yang membawa keadaan 'menang-menang' seperti diakui Lee sendiri dalam persidangan media bersama Abdullah.

Jalan sudah dirintis dan kedua-dua belah pihak mesti ikhlas dalam meneruskan perhubungan yang murni itu, disusuli lebih banyak pertemuan bagi membincangkan isu dua hala supaya dapat mencapai satu

tahap baru yang membanggakan.

Kesediaan Abdullah menerima undangan melawat republik itu bagi satu lagi perbincangan tidak rasmi memberi satu isyarat jelas akan keterbukaan dan kesediaan Malaysia untuk bertemu dan membincangkan pelbagai perkara demi kepentingan bersama dengan negara jirannya.

Ini sekali gus memberi harapan bahawa kedua-dua negara dapat menyelesaikan isu tertunggak yang sudah lama menjadi duri dalam daging hubungan mereka.

Itu diakui Lee yang menyatakan bukan mudah menyelesaikan isu tertunggak kerana buktinya beliau terpaksa mewarisinya daripada dua perdana menteri terdahulu, tetapi optimis ia bukanlah isu yang tidak boleh diselesaikan jika ada komitmen yang tinggi dan serius antara kedua-dua kerajaan.

Antara isu tertunggak yang sering dikaitkan dalam hubungan dua jiran itu ialah harga air yang dijual kepada Singapura, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura, pembangu-

nan tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura, jambatan baru menggantikan Tambak Johor dan pengeluaran wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) oleh rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

Abdullah sendiri memberi jaminan walaupun kerajaan mengutamakan isu semasa yang baru, khususnya mengenai pelaksanaan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), isu lama tidak akan diketepikan.

Kata Abdullah, kerajaan tidak mahu perbincangan isu lama itu boleh menjejaskan keutamaan kerajaan yang ternyata membawa manfaat lebih besar kepada negara pada masa depan.

Pada pertemuan itu, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa khas pada peringkat menteri bagi memantau pelaksanaan dan memperhalusi sebarang cadangan dalam pembangunan WPI.

Abdullah dilaporkan berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya jawatankuasa khas berkenaan diterajui oleh satu kementerian bertanggungjawab supaya ia tidak membabitkan terlalu banyak pihak yang boleh menjejaskan kelancarannya.

Katanya, jawatankuasa itu juga akan mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa bagi mencari penyelesaian terhadap isu berbangkit.

Seperkara menarik yang diputuskan, ialah kerajaan berminat dengan cadangan penggunaan kad pintar sebagai dokumen perjalanan sah yang hanya dikhususkan bagi kemasukan warga Singapura ke WPI, bertujuan menjimatkan masa berurusan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tambak Johor.

Itu bukan bermakna kerajaan mahu menjadikan WPI sebagai Zon Akses Bebas (FAZ) bagi warga asing kerana tiada sesiapa bebas keluar masuk di negara lain serta mereka mesti menggunakan dokumen sama ada pasport atau visa.

Abdullah nyata berpandangan jauh kerana beliau dapat membayangkan betapa sibuknya urusan keluar masuk di wilayah itu jika pihak berkuasa menggunakan sistem sedia ada kerana orang ramai terpaksa menunggu lama untuk melepasi pemeriksaan.

Jika keadaan itu berlaku, ia akan menggagalkan rancangan kerajaan membangunkan WPI menjadi satu mercu tanda baru bagi rantau ini, seperti Shenzhen di China. Jalinan erat kedua-dua negara itu turut membuka lembaran baru dalam bidang pelancongan, industri, alam sekitar dan perdagangan yang bukan hanya membabitkan WPI, malah seluruh negara.

Sesungguhnya pertemuan itu membawa satu harapan baru bagi kedua-dua negara dan diharap dapat membawa kebaikan bersama, wujudnya keikhlasan dan kejujuran serta semangat saling menghormati.